

08/11/1998

Tindakan jika simpan sisa toksik

M Noh Senan; Zainudin Isa

PORT DICKSON: Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap pengusaha industri yang sengaja menyimpan sisa toksik atau membuangnya sesuka hati bagi mengelak kos yang dibelanjakan untuk merawatnya di loji rawatan disediakan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan mendapati ada sesetengah pengusaha berbuat demikian kerana enggan mengeluarkan belanja kos pengangkutan yang tinggi tanpa memikirkan risiko sisa buangan itu terhadap keselamatan penduduk dan alam sekitar.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu pihak berkenaan menggunakan kemudahan disediakan di Pusat Bersepadu Pengurusan Buangan Terjadual, Bukit Nanas dekat sini.

"Kita tahu pusat itu amat penting kerana negara kita telah maju dalam bidang industri. Sudah tentunya sisa tidak boleh disimpan begitu saja kerana ia sangat berbahaya."

"Ia tidak seharusnya disimpan di kilang walaupun ada kilang tidak bertanggungjawab yang membuangnya (sisa) sesuka hati," katanya merasmikan pusat berharga RM318 juta itu milik Kualiti Alam Sdn Bhd, di sini semalam.

Pusat itu adalah yang pertama dan terbesar di negara ini yang diuruskan melalui sebuah konsortium gabungan tiga syarikat yang dilantik kerajaan. Syarikat itu ialah UE Construction Sdn Bhd, anak syarikat United Engineers Malaysia Bhd (UEM); Arab-Malaysian Development Bhd; dan Danish Wastetreatment Services A/S dari Denmark.

Pusat ini mampu merawat 107 bahan buangan terjadual yang termaktub dalam Akta Kualiti Persekitaran Alam 1989.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; dan Pengerusi Kualiti Alam Sdn Bhd, Tan Sri Razali Ismail.

Dr Mahathir berkata, pada peringkat awal pembinaan pusat itu, kerajaan mengalami masalah kerana kerajaan negeri enggan menyediakan tempat khusus di negeri masing-masing.

"Pada mulanya kita hadapi banyak masalah untuk menempatkan pusat ini bahkan tiada negeri yang hendak memberi tempat kepada pembinaan loji ini," katanya.

Menurutnya, pusat ini ditempatkan di kawasan terpencil bagi memastikan bukan saja pekerja tidak terdedah kepada bahaya radiasi malah penduduk di sekitarnya.

Beliau yakin pengurusan pusat berkenaan akan memberi perhatian dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerja serta tidak membuang saki-baki sisa yang diproses disalurkan ke sungai atau parit berhampiran.

Katanya, kos yang dikenakan terhadap pengusaha kilang agak tinggi disebabkan pusat itu menggunakan teknologi yang canggih serta mahal harganya.

"Sebab itu kos proses sisa buangan dari kilang perlu dikenakan bayaran yang agak tinggi. Tetapi kebanyakan kilang lebih suka simpan sisa untuk jimat biaya."

"Itu sangat bahaya dan sepatutnya kilang ambil kira kos perbelanjaan ini sebagai perbelanjaan 'overhead' mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat khususnya pengusaha industri perlu mempunyai budaya yang lebih sesuai dengan negara yang inginkan kemajuan dan industri yang serba canggih sekarang.

Katanya, oleh kerana Malaysia memilih menjadi negara maju sudah tentu

kerajaan bertanggungjawab infrastruktur seperti loji rawatan sisa industri yang canggih seperti pusat berkenaan.

"Kalau dulu kita sebagai negara pertanian, kita tidak ada masalah seperti ini. Tapi kita sekarang memilih negara industri dan sebagai industri yang canggih tentunya mempunyai masalah."

"Dan satu daripada masalah ini ialah industri yang bertaburan di seluruh negara dan berjauhan dengan pusat ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh membina loji atau pusat lebih kecil di setiap kawasan perindustrian bagi mengurangkan kos pengangkutan kepada pelanggan.

Dalam sidang akhbaranya, Dr Mahathir berkata, kos yang dikenakan pusat itu boleh dikurangkan jika semua 3,000 kilang di seluruh negara menggunakan khidmat pusat itu.

Bagaimanapun, katanya, sehingga hari ini hanya 757 kilang yang bersetuju menggunakan khidmat pusat itu.

Menjawab soalan, beliau berkata, kerajaan sememangnya sudah mewajibkan semua industri menggunakan khidmat pusat itu, tetapi masih ada kilang yang menyimpan sisa di kilang atau membuangnya di tempat lain.

(END)